

Kolej Shahputra tubuh Shahputra Inovation & Design Centre (SIDC)



● DR AZMAN ZAINI ABDUL GHANIE

KOLEJ Shahputra sekali lagi kalinya mencatat sejarah tersendiri dengan penubuhan Shahputra Inovation & Design Centre. Penubuhan ini sekali gus menampakkan kesungguhan para pensyarah dan pelajar memajukan diri ke arah kecemerlangan.

Shahputra Inovation & Design Centre dirasmikan 5 Mei lalu oleh Pengerusi Eksekutif Kolej Shahputra, Datuk Dr Azman Zaini Abdul Ghanie dan disaksikan Koordinator Kolej Bersekutu, FSSR UiTM Shah Alam, Mohd Salleh Mujir.

"Saya amat berbangga pada tahun ini dengan melihat usaha murni dari para pensyarah serta pelajar dan saya mengucapkan syabas kepada mereka dan dengan tertubuhnya Shahputra Inovation & Design Centre, ia dapat mewujudkan satu ruang kreatif bagi pelajar dan warga kolej," kata Azman Zaini.

Katanya, tujuan utama bagi penubuhan Shahputra Inovation &

Design Centre adalah untuk menyediakan kemudahan kepada pihak pelajar di mana ianya adalah tempat bagi pelajar mencurahkan ilham.

"Pensyarah juga menitikberatkan hasil kerja yang bermutu untuk pelajar dan membangunkan usaha pelajar untuk terus maju dan berjaya dalam mereka bentuk sesuatu yang

baru dan juga kreatif," katanya.

Program Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Fesyen) yang merupakan program kerjasama UiTM-Shahputra mengambil tempoh selama tiga tahun ini menawarkan kursus kemahiran asas dengan memberi tumpuan terhadap Pembentukan Seni Reka dan Corak, Sejarah Pakaian, Pembuatan Berbantukan

Komputer, Pengurusan Penghasilan dan Pengajian Liberal.

Pemegang diploma program ini berpeluang untuk melibatkan diri dalam industri pakaian, butik atau memulakan perniagaan mereka sendiri.

Permintaan yang tinggi untuk produk baru semakin meningkat dan pembangunan teknologi pada masa kini menghasilkan peluang pasaran untuk mengusahakan perniagaan. Sehubungan dengan itu, Kolej Shahputra turut menawarkan program Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Perindustrian) juga dengan kerjasama UiTM.

Selain program kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu UPM, UTM dan UiTM. Kolej Shahputra turut menawarkan tiga program diploma dalaman iaitu Diploma Kejururawatan, Diploma Farmasi dan Diploma Teknologi Makmal Perubatan.

Program-program diploma dalam bidang Sains Kesihatan ini

dijalankan memandangkan terdapat permintaan yang tinggi di kalangan pelajar dan juga peluang-peluang kerjaya yang terbuka luas bagi graduan bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia.

Pelajar yang berminat boleh mendaftar secara online di www.kolejshahputra.edu.my dan perlu memastikan mereka memenuhi syarat kelayakan masuk ke program yang ditawarkan bagi pendaftaran terbuka pada 15 Jun 2009.

Untuk keterangan lanjut mengenai program yang ditawarkan, sila hubungi Bahagian Pemasaran Kolej Shahputra di 09-5737777 atau layari laman web www.kolejshahputra.edu.my.



● Kolej Shahputra menawarkan kecemerlangan dalam pendidikan.